

TARIKH	12 / 12 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	23	RUANGAN	Dlm Negri

Preve menanti johan tilawah

KUALA LUMPUR 11 Dis. - Qari dan qariah tilawah al-Quran peringkat kebangsaan yang berjaya menjadi johan akan membawa pulang kereta nasional, Proton Preve bermula tahun depan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom (**gambar**) berkata, kereta tajaan Lembaga Tabung Haji tersebut akan menjadi hadiah utama pertandingan selain mengekalkan hadiah-hadiah sedia ada iaitu wang tunai, pakej haji, piala pusngan dan hadiah iringan.

Menurut beliau, insentif terbaru itu bertujuan untuk menggalakkan penyertaan masyarakat Islam di negara ini dalam majlis tilawah al-Quran selain sebagai imbauan dan penghargaan kepada mereka yang menjadi juara pertandingan yang diadakan pada setiap tahun itu.

"Dua tahun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan pemberian eluan seumur hidup RM2,000 kepada johan tilawah al-Quran peringkat antarabangsa, kali ini kita nak bagi kereta pula.

"Kalau atlet kita yang cemerlang dalam sukan diberikan insentif, maka kita akan berikan juga kepada qari dan qariah kita yang cemerlang dalam tilawah al-Quran," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan tiga acara serentak iaitu Konvensyen Profesionalisme Imam, Pelancaran Garis Panduan Penarafan Bilik Air dan Tempat Wuduk Masjid serta Pelancaran Album Simfoni Imam Mu'da Qaryah (IMQ) di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Othman Mustapha dan Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Datuk Che Mat Che Ali.

Dalam pada itu, beliau turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM1.06 juta kepada masjid serta surau di Wilayah Persekutuan sebagai bantuan kebersihan, keceriaan dan meningkat taraf.

